



Edisi 1/2024



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



KOLEJ TAN SRI
AISHAH GHANI
SEJAHTERA • CERIA • TERBILANG

PROGRAM KOMUNITI BERIMPAK

2023/2024

KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG, SELANGOR

PROGRAM KOMUNITI@KTAG

1

KEM JATI DIRI SIRI 1 PELAJAR SPM PONTIAN

2

SALAM DESA 3.0@PONTIAN

3

FUTURE WARRIORS

4

SALAM DESA MADANI 4.0@PULAU TUBA

5

SALAM DESA MADANI 5.0@KUALA TAHAN

6

KEM JATI DIRI SIRI 2 PELAJAR SPM PONTIAN

7

PROGRAM KOMUNITI TAHUN 2024

- SALAM AMAL SIRI 1
- SALAM DESA MADANI 6.0@PONTIAN
- SALAM DESA MADANI 7.0@RIMBA KE MENARA GADING (KUALA TAHAN)
- SALAM DESA MADANI 8.0@PULAU TUBA
- SALAM DESA MADANI 9.0@FELDA MENGGUANG, PAHANG
- SALAM AMAL SIRI 2

PENGENALAN PROGRAM KOMUNITI@KTAG

Program Komuniti@KTAG bertujuan menyatukan hati dan semangat di kalangan pelajar Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan komuniti setempat. Inisiatif ini dirancang untuk membina hubungan kekeluargaan, memberikan peluang kepada pelajar untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian, serta mewujudkan hubungan yang erat dengan pihak industri dan komuniti setempat. Melalui Program Komuniti ini, kami berharap dapat mencipta suatu atmosfer di mana kolaborasi dan kebersamaan menjadi inti pembentukan pengalaman pelajar yang bermakna.

Program komuniti dilaksanakan bagi meningkatkan taraf pendidikan, kesihatan, ekonomi, dan membantu dalam perancangan dan pelaksanaan. Program komuniti di kolej juga melibatkan pemegang taruh bagi memastikan kelestarian program ini dicapai.

Program komuniti memberikan peluang emas bagi mahasiswa untuk mengalami pembelajaran di luar ruang kelas. Dalam proses ini, mahasiswa memiliki berbagai harapan yang dapat membentuk pengalaman mereka secara positif.

Salah satu harapan utama mahasiswa dalam program komuniti adalah pengembangan keterampilan praktikal. Dengan terlibat langsung dalam kegiatan masyarakat, mahasiswa berharap dapat meningkatkan keterampilan seperti kemampuan berkomunikasi, kepemimpinan, dan penyelesaian masalah. Melalui pengalaman ini, mereka dapat mengaplikasikan konsep-konsep teori yang telah mereka pelajari di dalam kelas ke dalam situasi nyata.

Terima kasih atas sokongan semua pihak dalam mewujudkan visi ini untuk kebaikan bersama. Mari bersama-sama menjadikan Program Komuniti@KTAG ini sebagai tulang belakang kejayaan dan kebahagiaan bersama.

KTAG




**PROF. MADYA IR. DR. AHMAD SHUKRI
MUHAMAD NOOR**
PENGETUA
KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI
ktag@upm.edu.my

KEM JATI DIRI PELAJAR SPM

Pada 20 dan 21 Januari 2023, Kem Jati Diri Pelajar SPM 2023 merupakan sebuah program berbentuk sukarelawan yang dianjurkan oleh barisan Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Aishah Ghani dengan kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Pelajar Pusat Asasi Sains Pertanian (HICOM ASPer), Pihak Pengurusan Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Putra Malaysia dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Kawasan 6, Kampung Sungai Bunyi Mukim Rimba Terjun, Pontian Johor bertujuan untuk membantu menaikkan semangat pelajar B40 untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal diadakan pada Mac 2023.

Objektif Kem ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar dengan memberi pendedahan awal mengenai peluang melanjutkan pengajian selepas tamat SPM nanti. Program Kem Jati Diri Pelajar SPM 2023 ini juga merupakan platform untuk para pelajar mengenali potensi dan kekuatan diri mereka melalui latihan dalam kumpulan yang dijalankan. Bukan itu sahaja, malah kem ini dapat menguatkan ukhuwah antara peserta dan dapat mewujudkan kerjasama dan perpaduan yang erat antara para pelajar untuk menduduki peperiksaan SPM.

Diharapkan aktiviti komuniti seperti ini dapat meningkatkan lagi semangat sukarelawan dalam kalangan pelajar kolej dan menggalakkan pelajar untuk menyertai lebih banyak program-program kolej yang bakal dianjurkan.



14 Peserta yang mengambil
SPM tahun 2023

PEMEGANG TARUH



JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN DAN
KESELAMATAN
KAMPUNG (JPKK), KG.
SUNGAI BUNYI,
MUKIM RIMBA
TERJUN, PONTIAN



PEJABAT DAERAH
PONTIAN

KEM JATI DIRI PELAJAR SPM 2023

PENGARAH PROGRAM



MUHAMMAD RUSYDAN
ZAHARIMAN



SALAM DESA 3.0@PONTIAN

FEBRUARI, 2023



Pontian, 24-26 Februari 2023: Program Salam Desa 3.0 anjuran Sekretariat Sukarelawan Komuniti dan Teknologi Hijau (SUKTEK) merupakan program yang bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang cinta akan sifat sukarelawan dengan menabur bakti kepada masyarakat Kampung Sungai Bunyi, Mukim Rimba Terjun, Pontian. Selain itu, program ini dapat memberi peluang kepada mahasiswa Kolej Tan Sri Aishah Ghani yang berminat untuk menimba pengalaman dalam program komuniti untuk menyertai aktiviti kesukarelawan.

Program ini merupakan salah satu usaha daripada pihak Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Aishah Ghani untuk menanam sifat bantu-membantu dalam diri pelajar Kolej Tan Sri Aishah Ghani sekaligus menghargai alam sekitar melalui aktiviti penanaman paya bakau. Seterusnya mengenal pasti potensi dalam diri kalangan pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar.

Melalui program ini mahasiswa dapat merasai sendiri situasi sebenar kehidupan bermasyarakat di kampung serta mewujudkan jalinan ikatan silaturahim yang erat bersama penduduknya melalui aktiviti yang telah diadakan. Melalui praktikal konsep keluarga angkat ini, para pelajar dapat menambahkan pengalaman dengan merasai kehidupan tinggal di kampung sekaligus mengeratkan ukhuwah bersama masyarakat Kampung Sungai Bunyi. Melalui pelbagai aktiviti bersama masyarakat, pelajar dapat menimba ilmu dan pengalaman baru serta melakar memori indah bersama komuniti. Penanaman Pokok Paya Bakau telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hj. Jefridin bin Hj. Atan dan turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia ketika itu. Aktiviti ini merupakan salah satu inisiatif untuk memulihara kawasan paya bakau di tapak penanaman pangkalan timur laut, Teluk Kerang.

PEMEGANG TARUH

1. PEJABAT PARLIMEN TANJUNG PIAI, PONTIAN
2. PEJABAT ADUN KUKUP
3. PEJABAT DAERAH PONTIAN
4. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN & KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK), KG. SUNGAI BUNYI, MUKIM RIMBA TERJUN
5. JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

SALAM DESA 3.0@PONTIAN

PENGARAH PROGRAM



NUR AZRINA ERIALDI



FUTURE WARRIORS@KTAG

JULAI, 2023

PONTIAN, 23 Julai – ‘Sejahtera, ceria, dan terbilang’ merupakan moto yang digunakan oleh Kolej Tan Sri Aishah Ghani sejak nama Kolej Tiga Belas diubah. Bagi merealisasikan hasrat serta mewujudkan pelajar yang selaras dengan moto tersebut, Program Future Warriors 2023 telah berhasil mendapat sambutan hangat daripada masyarakat Kg. Sungai Bunyi, Pontian, Johor. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan masyarakat di samping mencungkil bakat pelajar dalam kemahiran kepimpinan dan komunikasi.

Program Future Warriors 2023 merupakan program kolaborasi MPK KTAG bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Sungai Bunyi, Mukim Rimba Terjun, Pontian, Johor. Kolaborasi ini berjaya mendapat sambutan seramai 49 pelajar dari KTAG, UPM dimana komuniti Pontian juga terlibat dalam aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk malam kebudayaan, belajar bersama komuniti, gotong royong mega dan aktiviti memasak bersama masyarakat.

Selaras dengan matlamat Universiti Putra Malaysia ke arah meningkatkan kualiti dan melahirkan graduan yang berdaya saing, aktiviti komuniti seperti Program Future Warriors 2023 diharapkan dapat menjadi satu budaya ke arah melahirkan mahasiswa yang lebih berfikiran terbuka di samping dapat menyumbang bakti ke komuniti selain membina personaliti diri yang lebih baik.



PEMEGANG TARUH

1. PEJABAT ADUN KUKUP
2. PEJABAT DAERAH PONTIAN
3. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN & KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) KG. SUNGAI BUNYI, MUKIM RIMBA TERJUN, PONTIAN



SALAM DESA MADANI 4.0@PULAU TUBA

NOVEMBER, 2023

LANGKAWI, 5 NOVEMBER 2023 – Salam Desa Madani 4.0@Pulau Tuba merupakan sebuah program berbentuk sukarelawan yang dianjurkan oleh Sekretariat Kesukarelawan Komuniti dan Teknologi Hijau, Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Aishah Ghani dengan kerjasama Pihak Pengurusan Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Universiti Putra Malaysia dan Penduduk Kampung Pulau Tuba, Langkawi bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan menerapkan semangat jati diri di kalangan murid Pulau Tuba, Langkawi.

Program ini melibatkan 30 pelajar UPM yang terdiri daripada 20 pelajar KTAG dan 10 pelajar antarabangsa dari negara China, Korea, Pakistan dan Brunai. Manakala komuniti yang terlibat seramai 40 pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba, 50 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi dan 15 Keluarga Angkat.

Objektif Program ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar dengan memberi pendedahan awal mengenai peluang melanjutkan pengajian selepas tamat SPM nanti. Program Salam Desa Madani 4.0@Pulau Tuba ini juga merupakan platform untuk para pelajar mengenali potensi dan kekuatan diri mereka melalui latihan dalam kumpulan yang dijalankan. Bukan itu sahaja, malah program ini dapat menguatkan ukhuwah antara peserta dan dapat mewujudkan kerjasama dan perpaduan yang erat antara para pelajar dan masyarakat setempat.

Diharapkan aktiviti komuniti seperti ini dapat meningkatkan lagi semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar kolej dan menggalakkan pelajar untuk menyertai lebih banyak program-program kolej yang bakal dianjurkan.

PEMEGANG TARUH



1. WAZAN UPM
2. KETUA KAMPUNG PULAU TUBA, LANGKAWI
3. PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LANGKAWI

MEDIA:- DAGANG NEWS (10 NOV. 2023)

<https://www.dagangnews.com/article/40-mahasiswa-upm-bantu-pulih-ekosistem-menerusi-penanaman-300-pokok-bakau-di-pulau-tuba-32200>

SALAM DESA MADANI 4.0@PULAU TUBA

PENGARAH PROGRAM



MIZATUL HANIS MOHD HUZIR

SYAZA ZAHIRAH MOHD ANUAR



SALAM DESA MADANI 5.0@KUALA TAHAN

KUALA TAHAN, 28 OKTOBER 2023 – Salam Desa Madani 5.0 @ Kuala Tahan merupakan sebuah program kesukarelawanan yang dianjurkan oleh Sekretariat Kesukarelawanan Komuniti & Teknologi Hijau (SUKTEK), Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG) dengan kerjasama pihak pengurusan Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) serta badan bukan kerajaan (NGO) Hope dan Birdgroup Taman Negara. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar orang asli Bateq. Hal ini kerana tahap pembelajaran mereka masih belum mencapai piawaian sistem pembelajaran yang diamalkan di sekolah-sekolah bandar.

Memupuk mahasiswa yang berkebolehan untuk menilai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam masyarakat orang asli suku Bateq adalah salah satu matlamat utama program ini. Selain itu, ia juga dapat melatih mahasiswa untuk menyampaikan pembentangan yang bersesuaian dengan tahap pendengar di samping melahirkan mahasiswa yang mampu mencari maklumat daripada pelbagai sumber untuk mengembangkan pemikiran pendengar.

Kaedah pembelajaran yang diaplikasikan dalam program ini adalah kaedah tunjuk ajar. Ia merangkumi aktiviti yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengimplementasikan pengetahuan yang telah mereka pelajari sepanjang program. Melalui kaedah ini, mereka dapat menguasai maklumat, proses atau prinsip tertentu dalam menyelesaikan sesuatu tugas dan secara tidak langsungnya mampu meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Sejurus itu, aktiviti komuniti yang dianjurkan ini dapat memberi impak kepada universiti dengan memperkasakan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa sekaligus membentuk mahasiswa yang cakna terhadap perkembangan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Sementara itu, ia juga memberi impak kepada komuniti dengan memperkasakan komuniti serta membina kepercayaan dan ikatan sosial yang kuat.

PEMEGANG TARUH

1. PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC)
2. HOPE DAN BIRDBROUP TAMAN NEGARA

MEDIA:-

BERITA HARIAN:- MURID ORANG ASLI
DIDEDAHKAN BIDANG STEM (20 NOVEMBER
2023/MUKA SURAT 23)

DAGANG NEWS (07 NOV. 2023)

<https://dagangnews.com/article/mahasiswa-upm-dekati-50-anak-orang-asli-kampung-bateq-melalui-program-stem-32058>

SALAM DESA MADANI 5.0@KUALA TAHAN

PENGARAH PROGRAM



MUHAMMAD HAZIQ NOOR AZLISHAM



SALAM DESA MADANI 5.0@KUALA TAHAN

Murid Orang Asli didedahkan bidang STEM

Siswa UPM santuni anak Orang Asli di Kuala Tahan, beri pendedahan kepentingan STEM

Oleh Haziq Mohamad
bhpendidikan@bh.com.my

Jerantut: Kesedaran murid mengenai kepentingan bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) perlu terus dipertingkatkan meskipun mereka bersekolah di kawasan pedalaman.

Hal ini ditekankan oleh sekumpulan 10 mahasiswa dari Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG), Universiti Putra Malaysia (UPM) ketika mengadakan program Salam Desa Madani 5.0 di Kuala Tahan bersama anak-anak Orang Asli Kampung Bateq, Kuala Tahan, Pahang baru-baru ini.

Program yang membabitkan 50 anak-anak Orang Asli berusia antara enam dan 12 tahun itu mendapat kerjasama dari Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM dan Taman Negara.

Pengetua KTAG, Prof Madya Ir Dr Ahmad Shukri Muhammad Noor, berkata program itu diadakan secara khusus untuk memberi pendedahan kepada anak-anak Orang Asli mengenai bidang STEM.



Slot syoknya sains yang menunjukkan cara pembinaan gunung berapi dan cara letusannya dengan kaedah sains.

“Pendekatan yang kami lakukan adalah mengadakan permainan dalam aktiviti berkumpulan. Kaedah ini lebih santai tetapi pada masa sama dapat bantu mereka mengetahui dan menguasai ilmu pengetahuan bidang STEM,” katanya.

Tingkat kefahaman

Tambah Ahmad Shukri, aktiviti dalam kumpulan lebih sesuai bagi meningkatkan kefahaman, memberi pengalaman, dan meningkatkan keyakinan diri peserta.

Antara isi program STEM yang diadakan termasuklah slot pen-

genalan asas Matematik, Sains dan pelbagai lagi. Namun setiap satunya dibuat dalam bentuk pertandingan dan permainan bagi menyuntik elemen keseronokan.

Tegas Ahmad Shukri, menerusi kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO), program STEM dilihat mampu melahirkan anak-anak Orang Asli yang memiliki kesedaran tinggi dan berintelektual tinggi dalam bidang itu.

Hal ini katanya, dapat memberi impak positif dalam usaha ke arah negara maju pada masa akan datang.

KEM JATI DIRI SIRI 2 PELAJAR SPM

FEBRUARI, 2024

SERDANG: Majlis Perwakilan Kolej (MPK), Kolej Tan Sri Aishah Ghani (KTAG), Universiti Putra Malaysia mengadakan Kem Jati Diri untuk pelajar sekolah menengah yang terpilih. Program ini memberi tumpuan kepada modul pengenalan program Asasi Sains Pertanian, pembentukan sahsiah pelajar dan pendedahan pembelajaran di universiti dengan menyasarkan pembabitan 30 pelajar sekolah menengah dari Mukim Rimba Terjun, Pontian.

Pengetua Kolej Tan Sri Aishah Ghani, Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Shukri berkata program ini dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar SPM bagi membentuk kepimpinan muda pelapis yang bertanggungjawab dan berketerampilan, selaras dengan hala tuju kementerian bagi melahirkan lebih ramai lagi masyarakat berilmu dan berbakat pada masa akan datang. Diharapkan program ini dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar bagi meningkatkan keyakinan dan minat dalam pelajaran sehingga melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Melalui modul yang disediakan dapat meningkatkan kesedaran dan motivasi pelajar SPM untuk mempertingkatkan tahap pencapaian melalui jati diri yang utuh di samping mengamalkan gaya hidup yang sihat. Selain itu, Program ini dapat membantu pelajar memahami dan mengenalpasti bidang pelajaran yang sesuai dengan minat dan bakat mereka. Dalam konteks ini, pentingnya keseimbangan antara kurikulum dan kokurikulum juga ditekankan sebagai aspek utama pembangunan holistik pelajar.

Keberkesanan dan impak daripada program siri pertama dapat dilihat seramai 13 pelajar yang mengambil SPM tahun 2023 telah melanjutkan pengajian ke peringkat STPM, Matrikulasi, dan Sijil Kemahiran. Hal ini menunjukkan bahawa program ini bukan hanya memberikan pendedahan tetapi juga memberikan inspirasi dan bimbingan untuk membuat keputusan yang bijak mengenai langkah seterusnya dalam pendidikan mereka.

Kerjasama KTAG dan pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kampung Sungai Bunyi, Mukim Rimba Terjun, Pontian dalam siri kedua program menunjukkan keberkesanan program ini untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak demi menyokong pelajar dalam merangka langkah seterusnya dalam pendidikan mereka. Program Kem Jati Diri Pelajar di KTAG boleh dianggap sebagai satu kejayaan dalam membangunkan bakat dan potensi pelajar, mencipta peluang pengajian yang lebih tinggi, serta membentuk individu yang seimbang dalam aspek akademik dan pembangunan diri.

PEMEGANG TARUH



1. PEJABAT DAERAH PONTIAN
2. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK), KG. SUNGAI BUNYI, MUKIM RIMBA TERJUN, PONTIAN


MEDIA:- DAGANG NEWS (28 FEBRUARI 2024)

<https://www.dagangnews.com/article/mahasisw-a-upm-anjur-kem-jati-diri-beri-pendedahan-pembelajaran-universiti-untuk-pelajar-spm-di-pontian-35334>


IMPAK PROGRAM KEM JATI DIRI SIRI 1

STATISTIK KEM JATI DIRI SIRI 1

PESERTA SPM MENGIKUT TAHUN- 30 PESERTA



HASIL ALIRAN PESERTA SPM 2023- 14 PESERTA



Secara keseluruhan, melalui dapatan kajian terhadap responden Kem Jati Diri bagi persediaan pelajar untuk mengambil SPM 2022/2023 bagi Penduduk Kampung Sungai Bunyi, Pontian, Johor menunjukkan bahawa perhatian dan sokongan berterusan perlu diberikan kepada peserta bagi memastikan mereka sentiasa bermotivasi dalam membangunkan kecemerlangan akademik dan sahsiah. Disamping itu kekerapan program berbentuk motivasi dan persediaan menduduki peperiksaan perlu dilakukan secara kerap dan berterusan bagi memastikan semua peserta yang terlibat bersedia dan sentiasa bersemangat untuk memajukan diri, keluarga dan juga Kampung Sungai Bunyi. Jaringan hubungan antara masyarakat kampung juga boleh diberikan penekanan dengan memperbanyakkan program diperingkat kampung sebagai contoh gotong royong, kenduri rakyat/kampung dan sebagai salah satu usaha mengeratkan hubungan antara masyarakat kampung Sungai Sunyi. Akhir sekali kerjasama antara masyarakat kampung bersama agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, ahli politik dan badan korporat perlu dipergiatkan lagi. Di samping itu, penyaluran dana adalah penting dalam mencapai hasrat murni demi membangunkan komuniti yang seimbang di Kampung Sungai Bunyi, Pontian, Johor.

KEM JATI DIRI SIRI 2 PELAJAR SPM

PENGARAH PROGRAM



NUR ADLIN BALQIS MOHMAD NOR
AHLI EKSEKUTIF



PROGRAM KOMUNITI@KTAG AKAN DILAKSANAKAN TAHUN 2024



April - Salam Amal Siri 1



Jun - Salam Desa Madani 6.0@Pontian



Jun - Salam Desa Madani 7.0@Rimba
ke Menara Gading (Kuala Tahan)



September - Salam Desa Madani
8.0@Pulau Tuba Siri 2



Oktober - Salam Desa Madani 9.0@Felda
Mengkuang, Pahang



November - Salam Amal Siri 2




UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



PENGHARGAAN

**MAJLIS ANUGERAH ASPEIASI
MAJLIS PERWAKILAN KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI
SEMESTER 01 SESI 2023/2024**



**PROGRAM TERBAIK AISHAH GHANI
SALAM DESA MADANI 4.0@PULAU TUBA**



**PENGARAH PROGRAM TERBAIK
MUHAMMAD HAZIQ NOOR AZLISHAM
(SALAM DESA MADANI 5.0@KUALA TAHAN)**



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



KOLEJ TAN SRI
AISHAH GHANI
SEJAHTERA • CERIA • TERBILANG

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

**PROF. DR. ARIFIN ABDU
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**

KETUA PENYUNTING

**PROF. MADYA IR. DR. AHMAD SHUKRI
MUHAMMAD NOOR
PENGETUA**

PENYUNTING

**NUR AZRINA ERIALDI
PRESIDEN
MAJLIS PERWAKILAN KOLEJ
SESI 2023/2024**

**MIZATUL HANIS MOHD HUZIR
MUHAMMAD HAZIQ NOOR AZLISHAM
ARMAN DARWISH MALEK RIDWAN**

**SEKRETARIAT KESUKARELAWANAN &
TEKNOLOGI HIJAU (SUKTEK)
MAJLIS PERWAKILAN KOLEJ
SESI 2023/2024**

PENOLONG PENYUNTING

**ENCIK MOHAMAD HAFIS
KAMARUDDIN
FELO**

**ENCIK MOHD ZIYAD MOHD ZAHARIM
FELO**

**DR. ELISA AZURA AZMAN
FELO**






UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



PROGRAM KOMUNITI@KTAG

INSTAGRAM RASMI KTAG..Jom Follow!!



KTAG.UPM

KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
43400 UPM SERDANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
03-9769 1233/ ktag@upm.edu.my